

# Kerjasama USABC mampu tarik pelaburan

KUALA LUMPUR 10 Sept. - Kerjasama Majlis Perniagaan Amerika Syarikat-ASEAN (USABC) dengan Malaysia khususnya dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) mampu menarik lebih banyak syarikat bertaraf antarabangsa melabur di negara ini.

Naib Presiden USABC, Marc Mealy berkata, melalui kerjasama itu juga syarikat ICT Malaysia dapat berkongsi pengetahuan dan pengalaman dengan syarikat dari Amerika Syarikat.

Katanya, masa hadapan Malaysia dalam bidang ICT yang semakin berkembang dilihat berpotensi mendahului pesaing dari negara-negara ASEAN lain.

“Kerjasama erat kerajaan Malaysia dengan USABC termasuk melibatkan polisi serta kawal selia juga akan meningkatkan lagi pelaburan teknologi bernilai tinggi di negara ini.

“Malah, kami juga akan bekerjasama dalam membangunkan modal insan bagi menyediakan tenaga mahir yang setanding dengan negara-negara lain dalam bidang ini,” katanya dalam sidang akhbar sempena forum ‘Advancing Partnership in ICT’ di Dewan Senat Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini hari ini.